

# Mahathir: Sederhana menyebabkan UMNO kekal

MING. M. 17 APR 1977

TIMBALAN Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad berkata, sikap dan dasar UMNO yang amat sederhana adalah merupakan kejayaan serta menyebabkan ia kekal dibandingkan dengan parti-parti lain di negara ini.

Sambil mengingatkan para pemimpin dan ahli-ahli UMNO memahami hakikat itu, naib presiden UMNO itu berkata, UMNO adalah sebuah parti yang sederhana sikapnya dan berjuang untuk semua golongan rakyat, khususnya bangsa Melayu yang keseluruhannya beragama Islam.

Katanya, perjuangan UMNO tidak pernah lari dari agama Islam walaupun tidak melaung-laungkan soal itu berdasarkan pegangan "untuk memilih jalan tengah mengikut kemampuan kita."

Beliau berkata demikian ketika merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO bahagian Bachok di Dewan Majlis Tempatan sini pagi ini.

## Kemampuan

Beliau yang melakukan lawatan empat jam ke Kelantan hari ini disambut secara sederhana setibanya di Lapanganterbang Pangkalan Chepa, Kota Bharu dengan sebuah kapalterbang TUDM.

Dr. Mahathir telah diarak oleh 45 buah motosikal Pemuda UMNO bahagian Bachok dari Simpang Tiga Pauh Lima.

Timbalan Perdana Menteri menarik perhatian bahawa UMNO tidak mirip ke kiri atau ke kanan dan ia juga bukan sebuah parti pelampau yang berjuang dengan melaung-laungkan kejayaannya.

Dr. Mahathir mengingatkan sekiranya UMNO lemah tidak akan wujud sebuah kerajaan yang kukuh dan kuat, seterusnya negara ini tidak dapat ditadbirkan dengan sempurna.

Tegasnya "kita mestilah menubuhkan UMNO di setiap pelusuk tanahair walaupun di kawasan-

BACHOK 16 APRIL

kawasan tertentu terdiri dari wakil rakyatnya bukan orang UMNO.

"Kita jangan bertindak mengikut nafsu sebaliknya hendaklah berdasarkan kepada kemampuan yang ada pada kita bagi menentukan sikap untuk menjamin UMNO kekal selama-lamanya."

UMNO tambahnya berjuang tidak pernah lari dari agama walaupun tidak melaung-laungkan soal itu berdasarkan pegangan untuk memilih jalan tengah mengikut kemampuan kita.

"Sebab itulah UMNO berjaya berbanding dengan parti-parti lain dengan berjalan mengikut keupayaan dan penuh kesedaran dari apa yang dialami di masa lampau."

Beliau yang baru pulang dari lawatan ke Arab Saudi dan Mesir memberitahu ada setengah negara Islam di sana yang berpegang kepada sistem sosialism telah kembali semula kepada pemerintahan agama Islam.

Negara ini jelasnya walaupun berjalan dengan berlandaskan ajaran Islam tetapi memandangkan penglibatan berbagai lapisan agama, kita sentiasa menimbang dan menentukan keupayaan sebelum membuat keputusan bagi diterima oleh bilangan besar rakyat.

"Kita tidak mahu meniru orang lain kerana kita tidak mahu menjadikan agama Islam berkuasa secara kuku besi yang tidak sihat melibatkan semua rakyat tidak puas hati."

Doktor Mahathir mengingatkan orang-orang muda yang akan mengambil alih pucuk pimpinan mempunyai sikap sederhana bagi mengekalkan UMNO sebagai pertubuhan politik yang berjaya.

MAHATHIR - TRADERS

77 (C) ✓  
KUALA LUMPUR, APRIL 22 (BERNAMA) -- EXTRAVAGANCE, FALSE PRIDE AND LACK OF MANAGERIAL EXPERIENCE HAVE BEEN CITED BY THE DEPUTY PRIME MINISTER, DR. MAHATHIR MOHAMD, AS THE MAIN CAUSES FOR THE FAILURE OF SOME BUMIPUTRA TRADERS.

HE SAID NO AMOUNT OF ASSISTANCE FROM THE GOVERNMENT COULD MAKE THEM PROGRESS IN BUSINESS IF DID NOT CHANGE THEIR ATTITUDE +AND FACE THE FACTS.+

SPEAKING AT A DINNER ORGANISED BY THE FEDERAL TERRITORY BRANCH OF THE MALAYSIAN MALAY CHAMBER OF COMMERCE AND INDUSTRY HERE TONIGHT, DR. MAHATHIR SAID THE GOVERNMENT WAS PREPARED TO ACCEPT CRITICISMS SO LONG AS THEY WERE CONSTRUCTIVE.

HOWEVER, GOVERNMENT POLICIES AND ASSISTANCE ALONE WOULD NOT GUARANTEE THE SUCCESS OF THE BUMIPUTRA TRADERS.

+THEY TOO MUST BE PREPARED TO ACCEPT CONSTRUCTIVE CRITICISMS AND AMEND THEIR WAYS,+ HE ADDED.

THE DEPUTY PRIME MINISTER ADVISED THE TRADERS NOT TO MAKE USE OF THE OPPORTUNITY TO CRITICISE THE GOVERNMENT TO COVER-UP THEIR FAILURES. -- BERNAMA 2100/ZCM